

THAM KOH WAI

CAHAYA YANG LEBIH BERMAKNA

OLEH NORHASHIMAH HASHIM

PEJABATNYA tersergam indah di 12 Jalan Seri Sentosa 3, Taman Seri Sentosa, Kuala Lumpur. Sesiapa yang bertandang ke pejabat ini pasti akan terpegun melihat apa yang ada di sana. Air terjun dan lukisan mural di dindingnya pasti dapat menenangkan fikiran setiap pengunjung. Kelengkapan prasarananya sudah tentu akan membuat mulut setiap tetamu terlopong seketika. Mata mereka tidak dapat tidak akan singgah pada gambar raut wajah seorang lelaki yang tergantung di dinding bilik mesyuarat dan dinding ruang pejabat yang lain.

Rumah serba mewahnya pula terletak lebih kurang lima minit perjalanan dengan kereta dari pejabatnya. Rumah itu dilengkapi oleh pendingin hawa dan segala macam peralatan canggih untuk keselesaan hidup. Terdapat juga kolam ikan dan pokok-pokok bunga untuk menjamu mata. Yang paling penting sekali ialah rumah ini sarat berisi kasih sayang yang menjadi keperluan asas setiap insan.

Siapa sangka tuanpunya pejabat dan rumah ini merupakan seorang yang cacat penglihatan. Bermandi keringat dia mendirikan gedung kejayaan ini. Semua ini tidak diperoleh secara percuma. Semua ini didirikan bukan dalam masa sehari dua; tapi, memakan masa bertahun-tahun.

Tham Koh Wai telah diputerakan pada 28 Januari, 1955. Anak kelahiran Petaling Jaya ini telah dijaga, dididik dan dibesarkan dengan penuh rasa tanggungjawab oleh ibu bapa angkatnya. Tham dilahirkan dengan penglihatan yang terhad. Namun, dia tidak menyedari hakikat ini walaupun sejak kecil lagi dia sudah memakai kaca mata tebal.

Tham telah mengikuti pendidikan rendah dan menengahnya Di Sekolah Lelaki Bukit Bintang tanpa menikmati sebarang keistimewaan sebagai pelajar cacat penglihatan. Tiada kemudahan alat bantu melihat untuk menyenangkan dia membaca dan menulis. Tiada lebih masa sewaktu peperiksaan. tiada guru-guru terlatih dalam pendidikan khas untuk memberi khidmat kaunseling. Yang paling perit sekali ialah tiada pengertian daripada guru-guru dan kawan-kawan. Dia terpaksa duduk di barisan paling belakang di dalam kelas kerana dia tinggi. Mereka menyangka dia dapat melihat apa yang terpampang di papan tulis kerana dia berkacamata. Memang Tham dapat melihat tulisan di papan tulis. tetapi, dia tidak berupaya membacanya. Guru yang sedang bergerak ke sana ke mari di hadapan kelas dilihat seperti sedang menari-nari.

Tham sering diruntun oleh rasa inferioriti kompleksnya sendiri. Dia malu kerana memakai cermin mata yang lain daripada cermin mata kawan-kawannya. Adakalanya dia merasakan dia kelihatan begitu hodoh apabila memakai cermin mata itu. Begitupun, pergerakannya akan menjadi sukar tanpa cermin mata itu. Jadi, sama ada dia suka atau tidak, dia tidak boleh meninggalkan kacamatanya.

Biarpun terpaksa mendaki takah-takah gunung ilmu dengan seribu satu kepayahan, Tham berjaya juga melepasi peperiksaan Lower Certificate of Education (LCE). Dua tahun selepas itu, dia menduduki Malaysian Certificate of Education (MCE) pula. Sebetulnya, keputusan peperiksaan MCE Tham agak memberangsangkan dan melayakkannya melanjutkan pelajaran ke luar negara. Bagaimanapun, mengenangkan ketidakmampuan bapa angkatnya, Tham memutuskan untuk mengikuti kursus dalam bidang seni lukis dan pengiklanan. Sememangnya sejak dari bangku sekolah lagi Tham meminati pelajaran lukisan.

Kursus yang memakan masa tiga tahun itu diikuti separuh jalan sahaja. Ini ialah kerana Tham terpikat kepada tawaran kerja di sebuah syarikat pengiklanan. Dia telah mencurahkan tenaga dan kepakarannya di syarikat itu sehingga dia terlibat dalam satu kemalangan jalan raya sewaktu berusia 24 tahun.

Nahas jalan raya itu meletakkan Tham dalam keadaan sudah jatuh ditimpa tangga. Tragedi itu menyebabkan penglihatan Tham kian merosot. Tidak cukup dengan itu, dia kehilangan pekerjaan dan ditinggalkan kekasihnya.

Semua ini merupakan penangan yang hebat bagi seorang anak muda yang sedang ghairah hendak membina kerjaya dan mendirikan rumahtangga. Tham merasakan hidupnya sudah tidak bererti. Apapun, ibu bapa angkatnya tidak rela membiarkan dia rebah sendirian. Mereka terus menghujannya dengan kata-kata perangsang untuk membolehkan putera kesayangan mereka bangun semula. Mereka cuba menyedarkan Tham bahawa perjalanan hidupnya masih jauh.

Lalu, sedikit demi sedikit, Tham mula mengutip dan menghimpun kembali kekuatan yang telah diberi oleh keluarganya. Dia berazam untuk memulakan era baru dalam hidupnya. Dia tidak mahu nasibnya terus dirundung malang hanya kerana kemalangan itu.

Aset yang ada pada Tham ialah minatnya dalam bidang seni reka bentuk di samping sedikit pengalaman dalam bidang pengiklanan. Menyedari hakikat itulah maka Tham memberanikan diri untuk memulakan syarikat pengiklannya sendiri. Dalam masa beberapa bulan sahaja, syarikat yang baru mula beroperasi itu telah menyerlah kewibawaannya. Semakin hari, kliennya kian bertambah. Seiring dengan itu, jumlah pekerjaanya juga mula meningkat. Syarikat itu Cuma dapat bertahan selama lima tahun. Pada pertengahan dekad 80-an, ia dilanda oleh rebut kemelesetan ekonomi.

Pada masa yang sama, tahap penglihatan Tham semakin teruk. Dunia yang dipandangnya sama kelam dengan dunia perniagaannya. Pergerakannya menjadi terhad. Dia tidak dapat ke mana-mana tanpa bantuan orang lain. Langkahnya dalam dunia perniagaan juga seakan telah terhenti. Hendak mendapat kembali modalnya sudah teramat azab. Apa lagi hendak mendapatkan untung.

Kakitangan Tham mula hilang kepercayaan terhadapnya. Seorang demi seorang pekerja meletak jawatan dan beralih kepada syarikat atau majikan lain yang menjanjikan jaminan dan pendapatan yang lebih lumayan. Keluarganya sendiri kurang yakin syarikat pengiklanan itu dapat pulih seperti sediakala. Keadaan ekonomi Negara dan keadaan fizikal Tham merupakan rintangan yang sukar dilepasi.

Namun, ada seorang insan yang tidak membiarkan Tham karam sendirian dalam lautan masalahnya. Orang yang berhati mulia itu ialah Young, sahabat dan juga pekerjanya. Dia tetap kaya dengan kata-kata dorongan.

Saranan Young itu mulanya tidak dapat diterima dengan baik oleh Tham lantaran dia masih dicengkam oleh rasa kecewa dan rasa putus asa. Dia merasakan bintangnya tidak akan berkedip lagi dalam dunia perniagaan. Dia merasakan hidupnya sudah benar-benar tidak bermakna; apa lagi setelah disahkan bahawa penglihatannya kini hanya tinggal 4%.

Pada tahun 1991, Tham nekad untuk mengikuti kursus pemulihan di Pusat Latihan Gurney. Dia mengharapkan corak hidupnya akan berubah setelah selesai menjalani latihan di pusat tersebut. Dia sudah bersedia untuk mengalih haluan hidupnya daripada seorang usahawan kepada seorang tukang urut atau telefonis – dua pekerjaan yang lumrah bagi orang cacat penglihatan.

Begitupun, hasrat murninya tidak kesampaian. Tangannya kurang sensitive. Pergerakan jari-jarinya lembab. Dia meninggalkan pusat latihan itu dengan seribu kedukaan. Hidupnya terus ditekan oleh kemurungan.

Dalam keadaan begitu, seboleh mungkin, Tham tidak mahu berjumpa sesiapa; walaupun keluarganya sendiri. Bagaimanapun, anak bongsunya yang baru berusia enam tahun tidak faham derita batin bapanya. Dia tidak dapat menyelami kekecewaan Tham. Setiap hari, sepulangnyanya dari sekolah, dia akan mendapatkan bapanya dan mula rancak bercerita mengenai apa yang dipelajarinya hari itu. Dia akan menunjukkan buku-buku yang diberi oleh gurunya.

Dalam keadaan fikiran yang berkecamuk itu, Tham tak kuasa hendak melayan anaknya. Namun, anak itu tetap dengan sikapnya. Ketidakupayaan ayahnya untuk melihat apa yang ditunjukkan sering disalahanggap sebagai keengganan. Lalu, anak itu terus mendesak bapanya agar melihat apa yang dibawanya.

Entah macam mana, pada suatu petang, tatkala si anak menyogokkan buku bacaannya ke muka bapanya, dengan sisa-sisa penglihatan yang masih ada padanya, Tham dapat mengesan buku itu berkualiti rendah baik dari segi kertasnya mahupun dari segi ilustrasinya. Dia hairan bagaimana buku sedemikian boleh mendapat pasaran dan digunakan secara meluas di sekolah.

Insiden petang itu semacam memberi ilham baru kepada Tham. Dia mula berkira-kira untuk mengusahakan penerbitannya sendiri. Dia akur dia sudah tidak dapat melihat. Tetapi, dia mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang reka bentuk dan pengiklanan. Dia dapat mencadangkan ilustrasi-ilustrasi bermutu untuk buku-buku yang bakal diterbitkan. Dia juga dapat memberi pandangan mengenai promosi dan pasaran.

Seterusnya, Tham menceritakan rancangannya kepada Young dan mengajaknya menjadi rakan kongsi. Young tidak menolak. Memang susah hendak memulakan sesuatu perniagaan. Banyak perkara yang perlu diambil kira. Sumber modalnya, lokasinya, pasaran dan seribu satu perkara lain yang perlu diberi perhatian.

Justeru, pada tahun 1991 dan 1992, Tham telah membuat pemerhatian, penyelidikan dan perancangan yang rapi. Dia tidak mahu tumpas untuk ke sekian kalinya. Dia nekad untuk mendirikan istana kejayaan yang baru di atas tapak kegagalannya yang lama.

Maka tercatatlah nama Koh Wai And Young Publisher Sdn. Bhd. Dalam senarai penerbit buku kanak-kanak. Buku-buku mengenai abjad dan nombor dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina merupakan buku-buku sulung terbitan syarikat

ini. Ya, memang Tham berdepan dengan masalah kekangan wang. Tetapi, dia telah berjaya meyakinkan pembekal buku-bukunya untuk memberinya kredit lebih dahulu.

Kualiti buku-buku ini telah dapat memikat ramai pembaca. Hasil jualannya cukup memberangsangkan. Semangat Tham kian marak menyala apabila dia memenangi anugerah “Ilustrasi Terbaik” daripada Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1994.

Pada tahun-tahun berikutnya, syarikat Tham bertambah maju. Buku-buku Tham bukan sahaja mendapat tempat di Malaysia; malah, telah dapat menembusi pasaran antarabangsa. Bermula dengan tiga bahasa, buku-buku itu kini diterjemah ke dalam 16 bahasa termasuk Korea, Perancis, Itali dan Jerman. Selaras dengan perkembangan ICT, syarikat ini turut menerbitkan buku-buku dalam bentuk multimedia.

Peredaran masa menyaksikan pertambahan kakitangan syarikat penerbitan itu. Tham amat terharu apakala Encik Chin Yee Tee, bekas Pengetua Pusat Latihan Gurney dan bekas Pengarah Eksekutif Persatuan Orang-orang Buta Malaysia menyatakan hasratnya untuk ikut serta dengan Tham selepas dia bersara. Kini, syarikat itu mempunyai hampir 40 orang pekerja.

Kemelesetan ekonomi pada penghujung abad ke 20 dan awal abad ke-21 tidak menjejaskan perniagaan Tham. Ini telah melayakkannya memenangi anugerah “Best Performance for 2002-2003 daripada Council of International Awards United Kingdom.

Empat belas tahun lalu, Tham memulakan perniagaannya di sebuah bangunan yang disewa di Petaling Jaya Old Town. Hari ini, syarikatnya berdiri tegak di atas tanah seluas 10000 kaki persegi miliknya sendiri. Jika di peringkat awal dahulu syarikat ini Cuma mampu menerbitkan tiga atau empat judul setahun, kini syarikat ini sudah bersedia menerbitkan 150 judul setahun.

Dalam keadaan apa sekalipun, Tham akan terus diuji dengan cabaran dan masalah. Sewaktu hendak memulakan perniagaan, masalah utama Tham ketika itu ialah bagaimana

hendak mendapatkan modal dan bagaimana hendak memikat pembaca-pembaca sasaran. Kini, Tham terpaksa pula naik turun mahkamah bagi mempertahankan buku-bukunya yang dicetak dan diterbitkan secara haram oleh syarikat penerbitan lain. Insiden seperti ini tidak pernah mematahkan semangatnya.

Meskipun syarikat ini sudah dikenali di Malaysia dan di serata dunia, Tham masih tidak berpuas hati dengan tahap pencapaian yang sedia ada. Dia sentiasa mencari idea-idea terbaru untuk memancing khalayak pembacanya. Dia sentiasa membuat kajian mengenai citarasa kanak-kanak. Dia akan memastikan dasar-dasar yang digubalnya dapat melonjakkan lagi nama syarikatnya.

Dalam ghairah mencari nama dan mencari wang, Tham tidak melupakan kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Dia berhasrat untuk menderma buku-buku terbitan syarikatnya kepada Negara-negara dunia ketiga agar kanak-kanak miskin di sana dapat turut menikmati keseronokan membacanya. Pada Tham, membaca adalah hak semua orang.

Detik-detik pilu masa lalu merupakan titik tolak bagi Tham menempuh hari-hari mendatang dengan lebih matang. Dia telah kehilangan cahaya yang menerangi dunianya. Namun, dia telah menemui cahaya lain yang lebih bermakna dalam dunia penerbitan buku. Apapun, dia tidak mungkin melupakan rakan-rakan, isteri, anak-anak kandung dan anak-anak angkatnya yang telah sanggup sama-sama senang dan sama-sama susah dengannya.